

Imbasan

Arah aliran pasaran buruh yang menggalakkan...

Prospek ekonomi yang lebih baik pada tahun 2002 didorong oleh peningkatan permintaan dalam negeri dan eksport yang lebih kukuh dijangka memanfaatkan pasaran buruh setelah mengalami sedikit tekanan ke atas pengangguran pada tahun 2001. Ini boleh dilihat dari kekosongan pekerjaan yang bertambah, terutama dalam sektor pembuatan, yang melipatgandakan pengeluaran, selaras dengan permintaan yang meningkat, terutamanya pada suku kedua tahun 2002.

Kadar pertumbuhan tenaga buruh yang lebih rendah, selaras dengan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan bagi penduduk dalam lingkungan umur berkerja, serta bertambahnya peluang pekerjaan dan peningkatan guna tenaga mengurangkan kadar pengangguran yang meningkat semenjak tercetusnya krisis kewangan pada tahun 1997.

Walaupun terdapat lebih banyak peluang pekerjaan selaras dengan permintaan yang meningkat, output yang lebih tinggi juga telah tercapai melalui peningkatan penggunaan kapasiti dan produktiviti. Memandangkan kebanyakan industri belum pulih sepenuhnya daripada kemelesetan ekonomi yang dialami dua tahun lalu, keadaan semasa walaupun lebih baik daripada tahun sebelumnya, tidak menimbulkan tekanan terhadap upah. Proses penyusunan semula dan konsolidasi yang melibatkan Skim Pemberhentian Sukarela (VSS) oleh beberapa syarikat dalam sektor tertentu telah menyekat kecenderungan untuk membuat tuntutan kenaikan upah.

Pengambilan pekerja asing dijangka akan berterusan bagi mengatasi kekurangan buruh dalam sektor tertentu seperti pertanian, pembinaan dan perkhidmatan. Dengan berakhirnya tempoh pengampunan pada 31 Julai, 2002, pengambilan pekerja asing dijangka dapat diuruskan secara lebih kemas dan teratur.

Malaysia semestinya perlu menyediakan tenaga buruh yang mampu memenuhi tuntutan ekonomi berasaskan pengetahuan bagi menghadapi cabaran masa hadapan. Beberapa rancangan pembangunan sumber manusia telah diperkenalkan dengan penerapan kemahiran terkini.

Pelbagai pendekatan baru dalam program latihan telah diperkenalkan. Program-program ini merangkumi pendekatan baru dalam pendidikan awal meliputi bidang komputer dan teknologi maklumat (IT), di sekolah rendah dan menengah, dan skim latihan khas yang lebih luas bidangnya. Di samping itu, peranan yang lebih besar dalam latihan sambil bekerja dan latihan semula telah diberikan kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia (TPSM).

JADUAL 4.1

Penunjuk-penunjuk Pasaran Buruh

	('000)		Perubahan (%)	
	2001	2002 ¹	2001	2002 ¹
Tenaga buruh	9,892	10,198	3.3	3.1
Guna tenaga	9,535	9,843	2.8	3.2
Pengangguran	357	355	3.6 ^a	3.5 ^a

¹ Jangkaan

^a Kepada tenaga buruh

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Tenaga Buruh

Kualiti tenaga buruh yang terus meningkat dengan lebih ramai tenaga buruh berpendidikan...

Kadar penyertaan tenaga buruh meningkat sedikit daripada 65.3% pada 2001 kepada 65.5% pada 2002, dengan sebahagian besar pertambahan terdiri daripada lepasan sekolah dalam lingkungan umur 20-24 tahun. Secara keseluruhannya, kemasukan baru ke pasaran buruh berjumlah lebih daripada 300,000 orang, seperti di *Jadual 4.1*. Lebih daripada 50% tenaga buruh di pasaran tempatan mempunyai kelulusan pendidikan sekolah menengah. Begitu juga tenaga buruh yang berpendidikan tinggi telah meningkat daripada 13.9% pada 2000 kepada 16.6% pada 2002 hasil daripada kemasukan yang bertambah ke institusi pengajian tinggi.

Guna Tenaga

Peluang pekerjaan terus berkembang terutama dalam sektor pembuatan selaras dengan pertumbuhan eksport...

Penambahan peluang pekerjaan kesan daripada keadaan ekonomi yang lebih mantap, meningkatkan kadar guna tenaga sebanyak 3.2% pada tahun 2002 berbanding dengan 2.8% pada 2001, sebagaimana di *Jadual 4.2*. Kenaikan ini sebahagian besarnya berpunca daripada pewujudan peluang pekerjaan baru dalam sektor pembuatan, terutamanya dalam industri elektronik, yang kebanyakannya telah selesai melaksanakan langkah konsolidasi dan kini bersedia untuk merebut peluang peningkatan semula permintaan terhadap barangan elektronik. Semenjak tahun 2001, banyak firma elektronik

JADUAL 4.2

Guna Tenaga Mengikut Sektor

	('000)		Bahagian (%)		Perubahan (%)	
	2001	2002 ¹	2001	2002 ¹	2001	2002 ¹
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,406.3	1,398.2	14.7	14.2	-0.1	-0.6
Perlombongan	41.8	41.9	0.5	0.4	1.5	0.2
Pembuatan	2,546.8	2,670.2	26.7	27.2	-0.4	4.8
Pembinaan	771.7	789.6	8.1	8.0	2.2	2.3
Perkhidmatan	4,768.5	4,943.3	50.0	50.2	5.8	3.7
Elektrik, gas dan air	79.6	84.8	0.8	0.9	6.1	6.5
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	1,650.2	1,713.2	17.3	17.4	4.2	3.8
Kewangan, insurans, perniagaan dan harta Tanah	574.6	609.9	6.0	6.2	13.0	6.1
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	492.8	515.1	5.2	5.2	6.8	4.5
Perkhidmatan Kerajaan	1,002.0	1,021.2	10.5	10.4	2.1	1.9
Perkhidmatan lain	969.3	999.1	10.2	10.2	7.9	3.1
Jumlah	9,535.1	9,843.2	100.0	100.0	2.8	3.2
Sektor Pertama	1,448.1	1,440.1	15.2	14.6	0.0	-0.6
Sektor Kedua	3,318.5	3,459.8	34.8	35.2	0.2	4.3
Sektor Ketiga	4,768.5	4,943.3	50.0	50.2	5.8	3.7

¹ Jangkaan

memindah operasi peringkat tinggi mereka daripada rantau pusat operasi berkos tinggi ke Malaysia. Di samping itu terdapat juga beberapa penempatan keluar dari Malaysia dalam aktiviti pengeluaran peringkat rendah ke negara yang mempunyai kos operasi buruh yang lebih rendah terutamanya China.


Pemindahan keluar ini tidak mendatangkan kesan negatif ke atas jumlah guna tenaga di sektor elektrik dan elektronik. Pada keseluruhannya, sektor pembuatan dijangka mengambil 123,400 pekerja baru atau 40% daripada jumlah guna tenaga baru yang wujud dalam tahun 2002, sekali gus mengurangkan penyusutan (-0.4%) ke atas guna tenaga yang dicatatkan dalam tahun 2001.

Sektor perkhidmatan terus merupakan penyumbang terbesar kepada guna tenaga dengan tambahan 174,800 atau 56.7% dari pekerjaan baru seperti di *Carta 4.1*. Dengan itu, jumlah guna tenaga dalam sektor perkhidmatan

meningkat kepada 4.9 juta atau 50% daripada jumlah guna tenaga keseluruhan. Sebahagian besar peluang pekerjaan baru yang wujud dalam sektor tersebut, terdiri daripada perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran (63,000 atau 20.4%); kewangan, insurans, perkhidmatan perniagaan dan harta tanah (35,300 atau 11.5%); perkhidmatan lain (29,800 atau 9.7%) dan juga pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (22,300 atau 7.2%). Perkembangan perniagaan borong dan runcit oleh peruncit-peruncit besar yang baru telah membuka peluang pekerjaan baru dalam sektor berkenaan. Keadaan yang sama juga dinikmati oleh sektor perkhidmatan berkaitan perniagaan dan industri telekomunikasi yang berkembang rancak selaras dengan peningkatan permintaan. Syarikat telekomunikasi turut menceburi bidang pelaburan yang memerlukan modal yang besar, bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan dibidang ini seperti perkhidmatan *General Packet Radio Services (GPRS)*. Pelaburan ini dijangka akan

CARTA 4.1

Guna Tenaga Mengikut Sektor



¹ Perangkaan awal.

Sumber : Unit Perancang Ekonomi.

memberi peluang yang lebih besar kepada pengusaha konten (content developer) untuk memudah dan menjayakan pelaburan baru dibidang tersebut. Ia juga akan membuka jalan bagi perubahan yang licin dan sempurna untuk melaksanakan teknologi 3G dalam jangka masa terdekat.

Sektor pembinaan terus mencatatkan pertumbuhan guna tenaga yang positif 2.3% (2001: 2.2%). Pertumbuhan ini dicapai melalui pelaksanaan projek perumahan bagi memenuhi permintaan mapan rumah kediaman yang mampu dimiliki, serta pelaksanaan projek awam secara berterusan, dijangka akan menyerap pekerja baru seramai 17,900 orang dalam sektor pembinaan. Jangkaan peningkatan pendapatan selaras dengan pemulihan ekonomi, kadar faedah yang rendah dan insentif yang disediakan kerajaan seperti pengecualian cukai setem untuk pembelian harta tanah kediaman dalam tempoh setengah tahun pertama 2002, telah membantu menaikkan permintaan dalam sektor perumahan. Kerja-kerja kejuruteraan awam telah menikmati faedah daripada perbelanjaan pembangunan awam yang lebih tinggi. Sebahagian besarnya adalah dalam pembinaan prasarana khususnya pengangkutan, kemudahan awam dan projek pembinaan sekolah dan perumahan kakitangan awam.

Guna tenaga dalam sektor pertanian terus merosot bagi tiga tahun berturut-turut semenjak tahun 2000, sebahagian besar disebabkan oleh perubahan struktur dalam sektor berkenaan. Lebih banyak kawasan penanaman getah dan kelapa sawit telah ditukar kepada pembangunan harta tanah yang lebih menguntungkan, menyebabkan pekerja sektor pertanian kehilangan pekerjaan. Hal yang sama juga berlaku dimana, untuk mendapatkan pulangan yang lebih baik, banyak ladang getah yang bercorak intensif buruh telah ditukarkan kepada tanaman kelapa sawit yang kurang menggunakan buruh. Pada masa yang sama, faktor harga getah yang terus menerus turun, memaksa banyak pengusaha ladang getah mencari jalan mengurangkan kos termasuk memperkenalkan sistem penorehan kurang intensif (less intensive tapping system - LITS)

yang kurang menggunakan buruh. Sungguh pun demikian, sektor tersebut masih merupakan penyumbang ketiga terbesar dari segi guna tenaga, dengan jumlah 1.4 juta pekerja atau 14.2% daripada jumlah keseluruhan guna tenaga negara.

Permintaan Buruh


Pertambahan jawatan baru yang memberangsangkan dalam semua sektor...

Permintaan buruh seperti yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Rakyat, meningkat dengan banyaknya dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2002 kepada 64,290 kekosongan (2001: 58,200). Memandangkan firma tidak diwajibkan melaporkan setiap kekosongan jawatan yang ada, jumlah kekosongan sebenar mungkin lebih besar. Kebanyakan kekosongan jawatan tertumpu di sektor pembuatan (50.4%) khususnya dalam industri elektrik dan elektronik; pertanian, perhutanan dan perikanan (22.7%); dan pembinaan (9.2%). Sarawak masih merupakan negeri yang mempunyai jumlah kekosongan terbesar iaitu lebih separuh daripada jumlah kekosongan (57.3%), diikuti Selangor (6.9%) dan Pulau Pinang (6.5%). Sebahagian besar kekosongan di Sarawak adalah dalam sektor pertanian, terutamanya berpunca daripada pembukaan tanah baru untuk penanaman kelapa sawit. Aktiviti pembalakan dan perhutanan juga mewujudkan kekosongan yang besar bagi Sarawak. Sebaliknya, jumlah kekosongan di Selangor dan Pulau Pinang adalah dalam sektor pembuatan memandangkan kebanyakan kilang pembuatan tertumpu di dua negeri tersebut.

Kebanyakan kekosongan jawatan yang dilaporkan adalah kategori pekerjaan rendah. Lebih daripada 63% adalah dalam kumpulan pekerjaan pengeluaran dan kerja berkaitan, operator kelengkapan dan peralatan pengangkutan dan buruh, diikuti oleh kumpulan pekerjaan pertanian, penternakan, perikanan dan perhutanan (17.3%) seperti di Carta 4.2.

CARTA 4.2

Kekosongan Berbanding Pencari Kerja (Pendaftar Baru) Mengikut Kumpulan Pekerjaan (Januari-Jun 2002)



Sumber: Jabatan Tenaga Rakyat

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk memudahkan pencari kerja terutama graduan baru untuk mendapatkan pekerjaan. Kempen mengenai peluang pekerjaan diadakan di seluruh negara bagi menyebarkan maklumat mengenai peluang pekerjaan. ELX adalah salah satu daripada usaha yang dilakukan untuk memadankan pencari kerja dengan kekosongan jawatan secara lebih berkesan. Dalam tempoh enam bulan pertama, jumlah pencari kerja aktif yang berdaftar meningkat kepada 18.2% atau seramai 39,222 (2001:33,397). Sebahagian besar pencari kerja berdaftar adalah dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mencatat jumlah seramai 6,720 orang (17%).

Kira-kira 52% atau 20,400 orang mendaftar untuk kerja berkemahiran rendah seperti pekerjaan dan yang berkaitan. Walau bagaimanapun jumlah

kekosongan jauh lebih kecil berbanding pencari kerja, iaitu pada nisbah 1:4.9. Sebaliknya, jurang antara kekosongan dan pencari kerja dalam kumpulan profesional adalah 1:2.9. Terdapat kira-kira 1,400 orang atau 3.5% dari pencari kerja yang berdaftar, terdiri dari mereka yang telah mempunyai pekerjaan tetapi masih berusaha mendapatkan jenis pekerjaan yang lebih baik.


Pemberhentian Pekerja

Pemberhentian pekerja berkurangan berikutan prestasi ekonomi lebih baik...

Pemberhentian pekerja dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2002 berkurangan kepada 14,130 berbanding 16,090 dalam tempoh yang sama

CARTA 4.3

Pemberhentian Pekerja Mengikut Sektor (Januari-Jun)



Sumber: Kementerian Sumber Manusia.

tahun lepas. Kebanyakan pekerja yang diberhentikan adalah dari sektor pembuatan sebanyak 78.4%, diikuti oleh sektor perdagangan runcit dan pemborong, hotel dan restoran (6.2%), perkhidmatan kewangan, insuran, harta tanah dan perniagaan (5.4%); dan perkhidmatan sosial dan komuniti (3.7%) seperti ditunjukkan di Carta 4.3. Sebahagian besar yang diberhentikan adalah terdiri dari kalangan pekerja tempatan (91.2%). Dari segi kumpulan pekerjaan, kebanyakan yang diberhentikan adalah pekerja pengeluaran dan yang berkaitan dengannya (12.7%), diikuti dengan pekerja perkeranian dan yang berkaitan (9.4%). Pemberhentian berdasarkan negeri menunjukkan kebanyakannya tertumpu di Selangor (20.7%), diikuti Pulau Pinang (18.7%), Kedah/Perlis (18.7%) dan Johor (18.4%). Sebab utama pemberhentian pekerja yang dilaporkan adalah kemerosotan permintaan bagi produk perkilangan yang berintensifkan buruh; dan pemindahan keluar syarikat-syarikat elektrik dan elektronik ke China dan juga Thailand.

Bilangan majikan yang terlibat dengan pemberhentian ini meningkat 20.8% kepada 669 daripada 554 dalam tempoh yang sama 2001.

Pembangunan Sumber Manusia

Kemahiran ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan...

Dalam usaha Malaysia melangkah ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan, cabaran utama yang dihadapi negara adalah keperluan melengkapkan pekerjaannya dengan kemahiran-kemahiran baru, serta membina budaya keusahawanan berasaskan teknologi tinggi dan berdinamik. Dengan keutamaan kepada pembangunan sumber manusia, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah strategik pada 2001 bagi menangani isu-isu berkaitan meningkatkan produktiviti dan juga meningkatkan penawaran tenaga manusia berkemahiran. Dalam hal ini, peruntukan sebanyak RM300 juta telah disediakan bagi skim latihan khas bagi program IT, matematik dan bahasa, keusahawanan

pertanian komersial, dan penempatan di agensi kerajaan, universiti-universiti awam, firma professional dan syarikat industri kecil dan sederhana.

Sebagai tambahan kepada langkah-langkah di atas, **Tabung Pembangunan Sumber Manusia (TPSM)** yang sedia ada telah diletakkan di bawah pentadbiran baru iaitu Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bagi meningkatkan keberkesanan tabung berkenaan. Badan baru ini ditubuhkan melalui pengkorporatan Majlis Pembangunan Sumber Manusia (**HRDC**).

Sehingga Mei 2002, PSMB telah meluluskan sejumlah 3.1 juta tempat latihan, melibatkan perbelanjaan berjumlah RM1 bilion. Pada masa yang sama sejumlah 8,700 majikan berdaftar dengan PSMB. Sementara bilangan pekerja yang diberhentikan dan graduan menganggur yang berdaftar dengan PSMB berjumlah 11,820 orang. PSMB juga telah dilantik sebagai salah satu agensi yang bertanggungjawab menyelaraskan skim latihan khas bagi pekerja yang diberhentikan dan juga untuk graduan-graduan menganggur. Bagi menggalakkan lagi pembangunan kemahiran di kalangan generasi muda, Tabung Pembangunan Kemahiran (**SDF**) di bawah Kementerian Sumber Manusia ditubuhkan pada bulan Januari 2001 dengan peruntukan RM140 juta. Tujuan tabung ini ialah bagi menyediakan pinjaman mudah untuk latihan teknikal dan vokasional di institusi-institusi yang diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (**MLVK**). Sehingga penghujung Mei 2002, sebanyak 52,800 permohonan diluluskan dan sejumlah RM90.3 juta telah disalurkan.

Dalam usaha mempercepatkan peralihan Malaysia ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan, Kerajaan telah memperkenalkan insentif-insentif mulai 1 Januari 2001 bagi menggalakkan rakyat Malaysia di luar negara dengan kepakaran dalam bidang tertentu yang penting dalam pembinaan negara, pulang dan bekerja di Malaysia. Ini termasuk pelepasan cukai pendapatan yang dibawa masuk selama dua tahun daripada tarikh kepulangan dan ke atas

barang-barang peribadi termasuk dua buah kereta; dan tawaran status penduduk tetap bagi suami atau isteri warga negara asing serta anak-anak pemohon. Sehingga Ogos 2002, sebanyak 474 permohonan telah diterima, di mana 171 permohonan telah diluluskan. Permohonan yang diluluskan terdiri daripada 40 pemohon dalam bidang perakaunan dan kewangan, 37 bidang perubatan dan kesihatan, 33 teknologi maklumat, 30 industri, 10 sains dan teknologi dan 21 dari lain-lain bidang. Dari segi negara, kebanyakan pemohon adalah rakyat Malaysia yang menetap di United Kingdom (46), Australia (22) dan Singapura (22).

Produktiviti dan Upah


Produktiviti meningkat lebih tinggi daripada upah...

Selaras dengan pemulihan ekonomi dalam dan luar negeri yang diperlihatkan oleh peningkatan dalam permintaan penggunaan, produktiviti buruh yang diukur melalui nilai ditambah bagi setiap pekerja menunjukkan peningkatan yang menggalakkan bagi setiap sektor, seperti ditunjukkan di *Carta 4.4*. Peningkatan permintaan eksport terhadap barangan elektrik dan elektronik pada separuh pertama 2002 telah membantu sektor pembuatan mencatat pertumbuhan positif 0.3% dalam produktiviti setelah mengalami kemerosotan 5.8% pada 2001.

Pada tempoh yang sama, sektor pertanian masih mencatat tahap pertumbuhan positif produktiviti sebanyak 1.8%, rendah sedikit berbanding 3.2% pada tahun 2001. Sementara bagi sektor pembinaan, peningkatan yang menggalakkan jelas ditunjukkan oleh pertumbuhan produktiviti yang meningkat 1.5% bagi enam bulan pertama berbanding 0.1% tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh pertambahan dalam pelaksanaan projek-projek awam seperti pembinaan sekolah, perumahan kakitangan kerajaan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang ditingkatkan melalui peruntukan pakej rangsangan yang mula memperkenalkan pada tahun 2001. Selain daripada

CARTA 4.4

Pertumbuhan Nilai Ditambah Setiap Pekerja Mengikut Sektor (RM pada nilai tetap)



• Anggaran.

Sumber : Jabatan Perangkaan.

itu beberapa insentif yang telah diperkenalkan terhadap pembelian harta tanah telah meningkatkan permintaan ke atas rumah mampu milik, seterusnya meningkatkan pelaksanaan projek pembinaan.

Bagi sektor perkhidmatan, pertumbuhan produktiviti bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2002 juga memberangsangkan iaitu meningkat 1.6% berbanding -0.1% tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh peningkatan dalam keluaran selaras dengan peningkatan permintaan, hasil dari kualiti hidup dan pendapatan yang lebih tinggi di kalangan majoriti penduduk. Seterusnya, sektor perlombongan juga turut mencatat pertumbuhan positif produktiviti (1.8%) berbanding 0.2% pada 2001.

Dengan peningkatan dalam eksport dan permintaan dalam negeri yang berterusan terutamanya bagi keluaran elektrik dan elektronik, telah menyebabkan berlaku peningkatan dalam penggunaan kapasiti pengeluaran kepada lebih 70% pada setengah tahun pertama 2002 berbanding sekitar 60% pada 2001. Berikutan itu, produktiviti yang diukur melalui output bagi setiap pekerja telah meningkat 8.8% lebih tinggi daripada peningkatan dalam kos seunit buruh 3.7%. Memandangkan pertumbuhan produktiviti sektor pembuatan merupakan penyumbang utama kepada produktiviti negara keseluruhannya,

JADUAL 4.3

Nilai Ditambah Setiap Pekerja Mengikut Sektor (RM pada nilai tetap)

	1997	1998	1999	2000	2001	2002 ^a
Pertanian	12,270	12,250	12,340	12,570	12,980	13,220
Pembuatan	25,160	23,180	24,260	26,470	24,950	25,020
Pembinaan	10,870	9,460	9,250	9,270	9,280	9,420
Perkhidmatan	24,940	24,580	24,660	24,920	24,910	25,310
Purata*	21,480	20,880	21,260	22,190	21,880	22,230

^a Anggaran.

* Semua sektor kecuali perlombongan.

peningkatan permintaan eksport terutamanya bagi barangan elektrik dan elektronik bagi separuh kedua tahun 2002 dijangka mencatat kadar pertumbuhan produktiviti keseluruhan yang lebih tinggi iaitu 2.7% berbanding 0.3% pada tahun lepas.

Dalam keadaan ekonomi yang sedang pulih dan pasaran buruh yang longgar, tekanan upah kekal rendah. Bilangan perjanjian kolektif yang ditandatangani merosot daripada 373 kes dalam 2001 kepada 117 kes pada enam bulan pertama 2002. Pada masa yang sama, bilangan mogok perusahaan dilaporkan merosot kepada dua kes berbanding dengan lapan kes tahun 2001.

Pekerja Asing

Garis panduan baru untuk pengurusan dan pengawalan yang lebih kemas dan teratur...

Perkembangan ekonomi Malaysia yang pesat untuk tempoh dua dekad yang lalu menyebabkan berlakunya kekurangan buruh dalam beberapa kategori pekerjaan. Fenomena ini lebih ketara bagi kategori pekerjaan rendah dan tidak mahir. Bagi mengatasi masalah kekurangan buruh separa mahir dan tidak mahir, Kerajaan telah meluluskan pengambilan sejumlah 695,100 pekerja asing sehingga Jun 2002. Jumlah ini berkurangan 10% daripada 769,600 yang dicatat pada Disember 2001. Kebanyakan pekerja asing ini adalah dari Indonesia berjumlah 580,300 atau 83.5% dari keseluruhan pekerja asing. Ini diikuti oleh Bangladesh 90,200 (13%), Filipina 18,800 (2.7%), Thailand 3,900 (0.6%) dan Pakistan 1,900 (0.3%). Kebanyakan pekerja asing adalah dalam sektor pembuatan (36%), perladangan (26%), perkhidmatan domestik sebagai pembantu rumah (23%), dan sektor pembinaan (8%).

Kerajaan telah memperkenalkan garis panduan baru untuk menangani permintaan buruh yang dijangka meningkat terutamanya dalam sektor pembuatan. Garis panduan ini memerlukan majikan menyediakan maklumat terperinci mengenai bilangan pekerja yang diperlukan. Majikan dinasihatkan merombak atau mengstruktur semula operasi mereka untuk mengurangkan kebergantungan kepada buruh

dengan memperkenalkan langkah alternatif termasuk automasi. Garis panduan ini juga menetapkan syarat asas pengambilan pekerja asing. Pekerja asing dibenarkan bekerja untuk tempoh tiga tahun dan boleh dilanjutkan sehingga dua tahun tetapi perlu diperbaharui setiap tahun berasaskan merit. Di samping itu pekerja asing yang telah tamat tempoh bekerja dibenarkan tinggal selama tiga bulan lagi untuk menguruskan kepulangan mereka. Lanjutan melebihi lima tahun akan dibenarkan jika pekerja memperoleh sijil kecakapan yang dikeluarkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Bagi sektor lain, terutamanya untuk pengeluaran bukan-eksport, majikan dikehendaki mengambil seorang pekerja tempatan bagi setiap pekerja asing. Dengan adanya garis panduan ini, pengambilan pekerja asing akan dapat diselia dengan lebih cekap dan berkesan.

Tinjauan 2003

Tahap guna tenaga penuh masih dikekalkan...

Pasaran buruh pada tahun 2003 dijangka bertambah ketat berikutan prospek pemulihan ekonomi yang bertambah baik. Persekitaran luar yang memberangsangkan, terutamanya dalam sektor elektronik, dijangka meningkatkan pengeluaran yang membawa kepada penggunaan kapasiti yang lebih tinggi serta pembesaran kapasiti pengeluaran. Sehubungan dengan itu, permintaan buruh daripada semua sektor dijangka meningkat selaras dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dijangka bagi semua sektor yang diterajui oleh sektor pembuatan. Sejumlah 303,000 pekerjaan baru dijangka diwujudkan dengan 139,500 atau 46% daripada sektor pembuatan. Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran dijangka menyumbang 17.4% atau 57,700 kepada pekerjaan baru selaras dengan sentimen pengguna yang lebih mantap serta ketibaan pelancong yang meningkat. Jumlah pekerjaan dijangka meningkat 3.1% kepada 10.15 juta sementara tenaga buruh dianggarkan meningkat pada kadar rendah sedikit iaitu 3% kepada 10.5 juta. Oleh itu kadar pengangguran dijangka berkurangan lagi daripada 3.5% pada tahun 2002 kepada 3.4% menjadikan negara kekal berada dalam guna tenaga penuh.